

# PNB guna 'Skuad Teksi' perkenal Minggu Amanah Saham

Oleh MEOR HARMAN  
MEOR SHAKRI

UM 13 APR 2001

KOTA BHARU 12 April — Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini menggunakan khidmat 'Skuad Teksi' untuk meningkatkan kesedaran masyarakat di Kelantan terhadap Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 (MSAM) yang akan dilancarkan 20 April ini.

Kira-kira 60 orang pengayuh beca yang digelar 'Skuad Teksi' itu mengambil bahagian dalam memaklumkan MSAM 2001 kepada orang ramai termasuk para pelanggannya.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman ketika upacara menyerahkan seragam dan pelancaran skuad itu di sini hari ini berkata, "setiap beca akan dihias dengan cantik dan dilekatkan dengan poster-poster PNB supaya mudah orang ramai mengetahui apa yang berlaku."

Mengulas mengenai MSAM 2001, Hamad berkata, sebanyak 70 buah syarikat telah mengesahkan untuk menyertainya malah PNB juga ada menyediakan kaunternya sendiri untuk kemudahan orang ramai.

"Di MSAM 2001, para pelabur saham-saham amanah 2001 ini adalah untuk mendi-

PNB boleh mengemas kini data pelaburan dan mendapatkan maklumat mengenai pelaburan mereka. "Di samping itu, PNB mengadakan kuiz yang menyediakan hadiah utama iaitu kereta Kancil," ujarnya.

Katanya, tujuan MSAM dan Menterii, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melancarkan saham amanah terbaru PNB pada 20 April ini.

Sementara itu, Hamad Kama Piah memberitahu, Per-

Hamad bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai saham amanah terbaru yang bakal dilancarkan itu.

Menurutnya, majlis tersebut akan diadakan di Dewan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan upacara penutupan MSAM 2001 itu pula akan dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 24 April ini.